

**Bajet: Jangan ada ketirisan**  
**Malaysiakini.com**  
**October 16, 2010**

Datuk Seri Najib Razak telah membentangkan Bajet 2011 dengan melakukan beberapa transformasi yang besar di dalam pengagihan wang negara dan semua belanjawan yang dibentangkan untuk 2011 adalah suatu bajet "Mesra Rakyat" dengan mengambilkira beberapa faktor, pengagihan dan kenaikan beberapa elaun kepada golongan yang berpendapatan rendah.

Saya melihat keprihatinan kerajaan Malaysia bagi menangani beberapa masalah dan bebanan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia dan ini boleh dilihat apabila Perdana Menteri mencadangkan gaji pokok minimum kepada pengawal keselamatan dinaikkan daripada RM500 hingga RM700 sebulan mengikut kawasan mulai Januari 2011.

Ini merupakan langkah yang bijak dalam menolong golongan berpendapatan rendah dan saya mengharapkan kerajaan perlu melakukan transformasi kepada seluruh pekerja-pekerja yang sekarang ini masih dibayar gaji RM500 ke bawah.

Sudah sampai masanya kerajaan memikirkan persoalan gaji minimum yang perlu diselaraskan untuk kebaikan dan kebajikan golongan yang berpendapatan rendah.

Mahasiswa juga melihat kerajaan sudah mula mengiktiraf peranan wanita di dalam negara ini dengan memberikan cuti bersalin bagi penjawat awam wanita. Mereka diberi pilihan tentukan sendiri tempoh cuti bersalin bergaji penuh tidak melebihi 90 hari.

Ini sedikit sebanyak telah diamalkan oleh kerajaan Kelantan dan saya melihat ini perlu bagi melahirkan "Keluarga Penyanyang" dan sewajarnya lelaki (suami) diberikan cuti tiga minggu untuk menjaga isteri sewaktu di dalam 'pantang' dan kita ingin lahirkan suami yang sanggup menjaga isteri sewaktu isteri sakit dan berpantang.

Saya juga tertarik untuk meningkatkan daya saing dan juga 'rangking' universiti tempatan, Kerajaan telah melipatgandakan penyelidikan dan inovasi dengan penubuhan Unit Inovasi Khas di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan peruntukan RM71 juta bagi tahun depan untuk mengkomersilkan hasil penemuan R & D oleh universiti dan institusi penyelidikan.

Tetapi, apa yang paling penting bagi mahasiswa, kita ingin kerajaan umumkan peruntukan khas bagi mahasiswa yang meminjam PTPTN terutamanya agar diberikan paling kurang separuh pemotongan pinjaman dan perlu juga kerajaan ke arah memberikan pendidikan percuma buat pelajar dan mahasiswa.

Saya ingin melihat kerajaan komited dan tegas dalam menyalurkan bantuan dan dana perbelanjaan negara ini dan mengena kepada sasarannya. Kami, golongan mahasiswa tidak mahukan angka-angka yang besar sahaja tetapi praktikalnya iaitu pemberiaanya hanyalah mengena orang-orang tertentu sahaja.

Kerajaan perlu menjaga dan membahagikan nilai harta negara dan jangan sesekali ada ketirisan dan penyelewengan yang menyebabkan perlunya kepada perbelanjaan tambahan kemudian harinya.

Jika angka-angka ini dapat diatur dengan baik tanpa ketirisan, saya yakin dan percaya

kerajaan akan mampu menggunakan hasil negara yang lain untuk manfaat golongan miskin yang lain.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/145502>